



CHEW (tengah) memotong kek sempena Hari Ibu bersama jururawat di PPUKM.

Zuriat sendiri lupa daratan

■ Ramai ibu bapa tidak layak terima bantuan JKM kerana masih ada anak berkemampuan

Nabihah Kamal

nabihah.kamal@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Akibat diabaikan anak, ada ibu bapa terpaksa meminta bantuan warga emas daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) demi meneruskan hidup.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datin Paduka Chew Mei Fun berkata, JKM menerima banyak permohonan bantuan daripada golongan itu, tetapi ditolak kerana tidak memenuhi kriteria ditetapkan.

"JKM menyiasat sebelum memberi bantuan kepada

golongan warga emas yang berusia 60 ke atas ini, tetapi selepas dikaji mereka tidak layak menerima bantuan kerana masih mempunyai anak berkeupayaan untuk menanggung kos perbelanjaan mereka.

"Hal ini terjadi kerana timbul masalah keluarga akibat keruntuhan semangat kekeluargaan. Anak-anak perlu peka dengan keperluan ibu bapa, termasuk keperluan asas dan kos rawatan," katanya pada Program Lawatan Khidmat Masyarakat di Hospital Canselor Tuanku Mukhriz, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) bersempena Sambutan Hari Ibu, di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Ba-

risan Nasional Bahagian Parlimen Bandar Tun Razak Datuk Chew Yin Keen dan Ketua Wanita MCA Bahagian Bandar Tun Razak, Tay Kar Shin.

Dalam pada itu, Chew menegaskan, tanggungjawab terhadap golongan istimewa, termasuk warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan miskin bukan hanya menjadi tanggungjawab JKM, tetapi semua masyarakat perlu mengambil berat.

"JKM bersama badan bukan kerajaan (NGO) dan sukarelawan berganding bahu menjalankan Program Home Help bagi menghulurkan bantuan di hospital untuk meringankan beban pesakit dan keluarga," katanya.